

HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II,  
KOTA BHARU KELANTAN

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

<b>TAJUK</b>	:	<b>BEKALAN REAGENT KE JABATAN PATOLOGI HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II KOTA BHARU KELANTAN.</b>
<b>NOMBOR SEBUT HARGA</b>	:	<b>HRPZII/SH/54/2018 DAN HRPZII/SH/56/2018</b>
<b>TARIKH TAWARAN DIIKLAN</b>	:	<b>16 APRIL 2018</b>
<b>TARIKH TAWARAN DITUTUP</b>	:	<b>23 APRIL 2018</b>
<b>STATUS &amp; KOD BIDANG</b>	:	<b>Kontraktor-kontraktor/Pembekal Kontrak Sistem Panel yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang <b>060101 &amp; 060501 dan 050102 (untuk peralatan)</b></b>

Perolehan ini adalah dibuat secara manual dan dokumen boleh diambil di Unit Perolehan HRPZII. Fie perkhidmatan yang dikenakan bagi Penyebutharga yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.8% bagi setiap nilai invois** yang dikeluarkan.. Caj yang dikenakan ini adalah termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran pembekal di bawah sistem eP.

## **KENYATAAN SEBUT HARGA**

---

### **1.1 Perihal**

Sebut harga ini dipelawa kepada Pembekal yang berdaftar dengan kementerian kewangan di bawah kod bidang **060101 & 060501** untuk bekalan reagent ke Jabatan Patalogi dan **050102** untuk peralatan Jabatan Nefrology Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan.

### **1.2 No.Sebut Harga Jabatan**

**HRPZII/SH/54/2018 DAN HRPZII/SH/56/2018**

### **1.3 Tarikh Sebut Harga diiklankan**

**16 APRIL 2018**

### **1.4 Tarikh Tutup Sebut Harga**

**23 APRIL 2018 Jam 12.00 tengah hari**

### **1.5 Dokumen Yang Perlu Disertakan Semasa Menghantar dokumen adalah seperti arahan di Lampiran Q.**

### **1.6 Kelayakan Penyebutharga**

- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam kod bidang berikut:-  
Sub-Kepala **060101 & 060501 dan 050102 dan masih sahlaku.**
- Pembekal berdaftar dengan Medical Device Authority

### **1.7 Pertanyaan**

- 1.10.2 Semua pertanyaan berkaitan cadangan Teknikal dan cadangan Kewangan hendaklah disalurkan kepada:-

**UNIT PEROLEHAN,  
BLOK A, TINGKAT 3,  
KUARTERS HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB I,I  
JALAN DUSUN MUDA,  
15590 KOTA BHARU KELANTAN.**

**CADANGAN TEKNIKAL/KEWANGAN - PN MARYAMI BINTI ABD MAJID  
Tel: 09-7452062/09-7452067**

- Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan hendaklah di hantar secara manual beserta dokumen sokongan kedalam peti sebutharga di Unit Perolehan HRPZII.

## **ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA SEBUT HARGA- HRPZII/SH/54/2018 DAN HRPZII/SH/56/2018**

---

### **2.1 Cadangan Sebut Harga**

- 2.1.1 Dokumen Sebut Harga (cadangan teknikal & tawaran harga serta dokumen sokongan) hendaklah dihantar secara manual ke alamat di atas sebelum atau pada jam 12.00 tengahari pada tarikh SEBUT HARGA ini ditutup.
- 2.1.2 Penyebutharga adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama / tanda syarikat di dalam dokumen sokongan yang dikemukakan. Sekiranya berbuat demikian tawaran cadangan tidak akan dipertimbangkan.
- 2.1.3 Pihak Kerajaan berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.
- 2.1.4 Penyerahan dokumen Sebut Harga  
Penyerahan dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berbeza iaitu tawaran teknikal dan tawaran harga  
Dokumen Sebut Harga (Tawarn Teknikal dan Tawaran Harga) hendaklah dihantar ke alamat seperti di atas **sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh 23 April 2018**

### **2.2 Jangka Masa Sah Laku Sebut Harga**

Jangka Masa Sah Laku Sebut Harga adalah sembilan puluh hari (90) hari daripada tarikh tutup Sebut Harga.

### **2.3 Keperluan Dan Spesifikasi**

Keperluan dan spesifikasi bagi tawaran peralatan yang diperlukan dalam Sebut Harga ini adalah dinyatakan dalam Spesifikasi Sebut Harga. Pembekalan akan dilaksanakan

berdasarkan keperluan dan pesanan jabatan. Hospital Raja Perempuan Zainab II tidak terikat untuk memesan semua kuantiti yang ditawarkan.

## **2.4 Pemberitahuan Tawaran**

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima Sebut Harga kepada Penyebutharga yang berjaya apabila Sebut Harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku Sebut Harga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

## **2.5 Harga**

Harga tawaran adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos penghantaran. Harga ini mestilah tidak termasuk semua cukai duti kastam dan mestilah sah laku (*valid*) dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup Sebut Harga seperti yang ditawarkan dalam **Jadual Harga**.

Perolehan ini adalah dibuat secara elektronik iaitu menggunakan sistem eP. Fi perkhidmatan yang dikenakan bagi Penyebutharga yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.8% bagi setiap nilai invois** yang dikeluarkan. Caj yang dikenakan ini adalah termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran pembekal di bawah sistem eP.

## **2.6 Penyediaan Kontrak**

Bagi Penyebutharga yang berjaya Kerajaan akan menghantar dokumen kontrak yang perlu dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

## **2.7 Bon Pelaksanaan**

**2.7.1** Bagi Penyebutharga yang berjaya, sebelum apa-apa perjanjian dengan nilai melebihi RM 200,000.00 hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah sebanyak 2.5% bagi kontrak bernilai kurang daripada RM 500,000.00 dan 5% bagi kontrak melebihi RM 500,000.00 daripada jumlah kontrak setahun.

**2.7.2** Bon Pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bagi kontrak yang tidak melebihi RM 500,000.00 jaminan insurans dari syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan

boleh diterima selain jaminan bank. Bon Pelaksanaan hendaklah mempunyai tempoh **sah laku tidak kurang dari dua belas (12) bulan selepas tamat tempoh jaminan.**

## **2.8 Iklan**

Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan di dalam akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar dan diluluskan oleh Kerajaan Malaysia terlebih dahulu.

## **2.9 Penerimaan Peralatan**

2.9.1 Pembida yang berjaya hendaklah mengemukakan bersama penghantaran/penyerahan satu surat Akuan menyatakan bekalan yang diserahkan adalah berkualiti dan bermutu sepertimana syarat-syarat penentuan yang telah ditetapkan dan dipersetujui di dalam kontrak serta kuantiti adalah tepat seperti yang dikehendaki. Tindakan akan diambil ke atas pembida tersebut sekiranya surat akuan didapati adalah palsu.

2.9.2 Pemeriksaan dan ujian ke atas bekalan ini akan diuruskan oleh Jawatankuasa Pemeriksaan dan Penerimaan HRPZ II. Bekalan akan ditolak sekiranya didapati dalam keadaan rosak, cacat, rendah kualiti atau berlainan daripada mutu dan pembuatan seperti yang ditetapkan di dalam kontrak. Dalam hal yang demikian, pembida yang berjaya adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menggantikan bekalan tersebut seberapa segera di atas ikhtiar, usaha dan perbelanjaan sendiri.

## **3.0 Prestasi Bekalan**

Pembida adalah bertanggungjawab bagi segala prestasi dan jaminan ke atas barangan yang dibekalkan seperti **yang telah dimasukkan ke dalam tawaran Sebutthaganya.**

## **4.0 Tempoh Jaminan**

Semua bekalan hendaklah **dijamin** untuk tempoh **tidak kurang dua belas (12) bulan** dari tarikh penerimaan bekalan secara rasmi oleh HRPZ II. Dalam tempoh jaminan ini, semua **penggantian peralatan yang rosak hendaklah dibuat tanpa kos dan bekalan yang**

**diganti mestilah tidak kurang atau sama spesifikasinya berbanding yang asal** kepada HRPZII.

## **5.0 Denda Lewat Bekal**

- 5.1.1 Jika pembida yang berjaya gagal menyediakan pembekalan mengikut tarikh yang ditetapkan dan kelewatan ini berlaku atas bukan sebab pihak Kerajaan (HRPZ II), pembida dikehendaki membayar denda lewat bekal sebanyak dua persepuluh lima peratus (2.5%) untuk setiap bulan kelewatan kepada pihak Kerajaan. Bagi kelewatan yang kurang dari satu (1) bulan, ianya hendaklah dikira mengikut perkiraan tiga puluh (30) hari dalam satu (1) bulan.
- 5.1.2 Jika pembida yang berjaya gagal membekalkan kesemua pesanan-pesanan setelah tiga (3) bulan kontrak ini ditamatkan, maka pesanan keatas Barang-barang yang masih belum dibekalkan itu akan dibatalkan. Kerajaan adalah berhak menuntut gantirugi sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada nilai Barang-barang yang tidak dibekalkan itu.

## **5.2 Penghantaran**

- 5.2.1 Pembida yang berjaya **MESTI** membuat penghantaran ke **Hospital Raja Perempuan Zainab II, 15586 Kota Bharu, Kelantan** mengikut kuantiti **Pesanan Kerajaan** yang dikeluarkan.
- 5.2.2 Tempoh penghantaran ialah mengikut ketetapan yang dinyatakan oleh Penyebutharga. HRPZ II berhak ke atas penghantaran secara *upon request* yang munasabah dan bagi kes-kes kecemasan.
- 5.2.3 Penyebutharga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barangan tersebut ke HRPZ II.
- 5.2.4 Penyebutharga yang berjaya adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan

yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.

#### 5.2.5 Kegagalan Pelaksanaan Penghantaran oleh Penyebutharga ;

5.2.5.1 Sekiranya Penyebutharga yang berjaya, gagal membuat penghantaran yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan, HRPZ II boleh mendapatkan pembekalan dari punca lain dan segala perbelanjaan tambahan yang terpaksa ditanggung oleh HRPZ II akan dituntut terus daripada Penyebutharga yang berjaya tersebut.

5.2.5.2 Bagi penghantaran yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan Pembida yang berjaya seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran banjir, bahaya laut atau seumpamanya, HRPZ II boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat Pembida yang berjaya perlu mengemukakan notis sebab-sebab penghantaran tertangguh dan masa tambahan atau lanjutan yang diperlukan.

### 5.3 Kontrak

Pembida yang berjaya dikehendaki **menandatangani Kontrak** dengan Kerajaan Malaysia dan perlu **membayar gantirugi** sekiranya tidak mematuhi kontrak.

### 5.4 Penamatan Kontrak

HRPZ II mempunyai hak untuk **menamatkan kontrak pada bila-bila masa** apabila Pembida yang berjaya, **gagal memenuhi obligasi kontrak** mengikut perjanjian.

## 6.0 Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

i. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2007.

- ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2007.
  
- iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2007.
  
- iv. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2007.

## **7.0 KESIMPULAN**

Penyebutharga adalah dinasihat berhati-hati di dalam penyediaan semua maklumat dan memastikan maklumat yang perlu diisi di semua jadual adalah dipatuhi. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat membolehkan Sebut Harga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.